

## KPDNHEP sedia tambah senarai barang dalam SHMMP



ALEXANDER Nanta Linggi (tiga kiri) dan Ketua Setiausaha Datuk Seri Hasnol Zam memegang ayam yang dijual dibawah harga maksimum ketika lawatan di pasar raya Econsave, Kajang. FOTO Rosyhaida Abdullah

Rosyhaida Abdullah  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

JUMLAH barang yang disenarai dalam Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mungkin akan ditambah sehingga 35 barang.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, walaupun buat masa ini hanya 11 barang disenarai dalam skim itu berbanding 27 pada tahun lalu, pihaknya dari semasa ke semasa melakukan pemantauan bagi melihat keperluan untuk menambah barang lain yang bersesuaian.

Menurutnya, senarai awal itu dikeluarkan semalam selepas melihat senario pembelian pengguna yang kurang berbelanja untuk Aidilfitri kali ini dipercayai susulan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang masih berkuatkuasa sehingga 9 Jun depan.

"Pada peringkat awal PKP, kita malah melihat ada peniaga menjual serendah RM10 untuk tiga ekor ayam disebabkan permintaan daripada restoran dan kedai runcit berkurangan.

"Kita jangka beberapa barang makanan seperti ikan dan sayur akan ditambah ke dalam senarai sedia ada bergantung kepada situasi pasaran.

"Langkah ini akan diambil secara berperingkat di mana kita tidak mahu pengguna membeli pada harga tinggi namun pada masa sama kita juga perlu adil kepada peniaga," katanya kepada pemberita, hari ini.

Beliau berkata demikian selepas melakukan lawatan pelaksanaan hari pertama SHMMP Hari Raya Aidilfitri di pasar raya Econsave, Kajang diiringi Ketua Setiausaha, Datuk Seri Hasnol Zam Zam Ahmad.

Sementara itu, Alexander menafikan pihaknya lambat bertindak dalam memantau dan mengawal harga barang yang didakwa meningkat ketika ini.

Sebaliknya kata beliau, pihaknya seawal minggu pertama pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Mac lalu sudah melakukan perbincangan dengan pihak berkepentingan.

"Selain pemain industri, perbincangan turut membabitkan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ronald Kiandee.

"Malah sepanjang PKP, setiap hari semua menteri akan bermesyuarat bagi membincangkan pelbagai perkara berkaitan termasuklah mengenai harga dan bekalan barang," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/580861/kpdnhep-sedia-tambah-senarai-barangan-dalam-shmmp>

Artikel ini disiarkan pada : Rabu, 20 Mei 2020 @ 7:59 PM